

CEO IILM penerima Anugerah Diraja Kewangan Islam 2016

➔ Pemilihan atas sumbangan bangunan kewangan Islam

Oleh Nora Mahpar

noramahpar@bh.com.my

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Perbadanan Pengurusan Kecairan Islam Antarabangsa (IILM) dipilih sebagai penerima Anugerah Diraja Kewangan Islam 2016 ber-

ikutan sumbangan besar beliau terhadap pembangunan industri perkhidmatan kewangan Islam.

Profesor Datuk Rifaat Ahmed Abdel Karim memainkan peranan dalam penubuhan dua badan penetap piawaian antarabangsa iaitu Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI) serta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB).

Pengerusi Panel Juri Anugerah Diraja Kewangan Islam, Tun Musa Hitam, berkata wawasan dan kesungguhan Rifaat terhadap kewangan Islam dan kefahamannya yang mendalam terhadap kewangan konvensional serta Islam, membolehkannya mempelopori banyak bidang baharu dan menetapkan standard penting kepada per-

tumbuhan pesat kewangan Islam di peringkat global.

Katanya, Rifaat adalah Setiausaha Agung IFSB yang pertama, jawatan yang disandangnya sejak lembaga itu mula beroperasi pada 2003 hingga 2011.

Anugerah setiap dua tahun

“Di bawah pengawasannya, keanggotaan IFSB meningkat daripada sembilan anggota pada 2003 kepada hampir 200 anggota pada 2010 dari 40 negara,” katanya pada sidang media sempena pengumuman penerima Anugerah Diraja Kewangan Islam 2016 di Kuala Lumpur, semalam.

Anugerah setiap dua tahun yang diterajui Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia itu bertujuan mengiktiraf individu yang berjaya

memajukan kewangan Islam di peringkat global menerusi sumbangan dan pencapaian cemerlang mereka.

Anugerah itu disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah pada majlis di Kuala Lumpur, malam tadi.

Sementara itu, mengulas pilihannya, Rifaat berkata pemilihan itu memberi lebih banyak peluang dan ruang kepadanya untuk berbakti kepada masyarakat melalui perkongsian ilmu mengenai kewangan Islam.

“Saya harap anugerah ini memberi inspirasi kepada individu di luar sana untuk mempergiatkan lagi usaha mengembangkan ilmu kewangan Islam dan seterusnya menjadi teladan kepada pihak luar,” katanya.

[FOTO YAZIT RAZALI/BH]



Seri Paduka berkenan menyampaikan Anugerah Diraja Kewangan Islam 2016 kepada Rifaat sambil diperhatikan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah di Kuala Lumpur, malam tadi.